

COPY



Rujukan Kami : FeMAC/KW/001/23022017

Tarikh : 23th Februari 2017

YAB DATO' SRI MOHD NAJIB BIN TUN ABDUL RAZAK

Perdana Menteri Malaysia

Merangkap Menteri Kewangan

Pejabat Menteri Kewangan

Aras 12, Blok Tengah,

Putrajaya.

Yang Amat Berhormat Dato'Sri,

Salam 1 Malaysia dan Salam 1 Kemahiran,



**PER: PERMOHONAN PERUNTUKAN DANA TAMBAHAN SEGERA
PERBADANAN TABUNG PEMBANGUNAN KEMAHIRAN (PTPK) BAGI
TAHUN 2017.**

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Kami daripada Persekutuan Pusat Bertauliah JPK Malaysia (FeMAC) menerima pelbagai isu dan masalah daripada ahli FeMAC iaitu sebanyak 350 buah Pusat Bertauliah Swasta dimana mereka kesal dan kecewa dengan pengagihan dana peruntukkan kuota lepasan sekolah bagi tahun 2017 yang diumumkan oleh PTPK baru-baru ini. Untuk makluman YAB Dato'Sri, pihak FeMAC telah mengadakan satu mesyuarat penyelarasan bersama Ketua Eksekutif PTPK Kementerian Sumber Manusia pada 6^{hb} Februari 2017 yang lalu khusus untuk membincangkan tentang pengagihan dana oleh PTPK.

3. Dalam Bajet 2017, YAB Perdana Menteri telah mengumumkan peruntukkan sebanyak RM 360 Juta untuk PTPK. Walaubagaimanapun, hanya RM200 Juta sahaja telah diperuntukkan dan tambahan RM80 Juta dari PTPK melalui hasil kutipan balik dana pinjaman lepasan sekolah untuk tahun 2017 kepada Pusat Bertauliah awam dan swasta. Namun begitu, kami difahamkan oleh pihak PTPK bahawa permintaan daripada pelajar lepasan sekolah pada tahun 2017 adalah seramai 76,724 pelatih daripada Pusat Bertauliah awam dan swasta dengan jumlah keseluruhan peruntukkan yang diperlukan adalah sebanyak RM 1.018 Billion. Sehubungan dengan itu, peruntukkan yang telah diagihkan oleh PTPK sebanyak RM 280 Juta pada tahun ini tidak dapat menampung keseluruhan pelatih lepasan sekolah.

PERSEKUTUAN PUSAT BERTAULIAH JPK MALAYSIA (FeMAC)

(Federation of JPK Accredited Centers, Malaysia)

Unit 2-12, Tiara Mutiara, No. 139 Batu 6, Jalan Puchong, 58200 Kuala Lumpur.

Tel: +603-7772 6655 Fax: +603-7772 6655

Email: operation@femac.org.my Website: www.femac.org.my

4. Untuk makluman YAB Dato' Sri, peruntukkan ini merupakan satu skim pinjaman kepada pelajar dimana selepas pelajar menamatkan latihan, mereka perlu membayar balik pinjaman yang telah diberikan dan kerajaan akan memperolehi semula peruntukkan tersebut melalui dana hasil kutipan balik pinjaman pelajar. Jadi, kerajaan tidak menanggung kerugian apabila menambah peruntukkan dana tersebut.

5. Bersama-sama ini kami lampirkan perincian lanjut Memorandum kepada Kementerian Kewangan bagi Peruntukkan Dana Tambahan Kemahiran PTPK bagi tahun 2017 untuk tempoh Rancangan Malaysia ke-11 untuk rujukan YAB Dato' Sri. Sehubungan dengan itu, kami daripada **FeMAC dan juga wakil Pengerusi daripada Federation of Malaysian Skills Development Centres (FMSDC) & juga Pengerusi Gabungan Institut Latihan Kemahiran Swasta Bumiputra (GILKSB)** amat berharap **Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia** dapat mempertimbangkan dengan sewajar-wajarnya surat permohonan penambahan dana pinjaman latihan kemahiran ini.

6. Untuk sebarang pertanyaan lebih lanjut, pihak YAB Dato'Sri bolehlah menghubungi **En Mohamad Farid bin Ismail, Setiausaha Agung FeMAC** ditalian **019-3818855** atau melalui emel **operation@femac.org.my**.

Kerjasama dan sokongan daripada YAB Dato'Sri amatlah dihargai dan disanjung tinggi.

Sekian, terima kasih.

Yang Benar,



P.Sailanathan

Presiden

Persekutuan Pusat Bertauliah JPK Malaysia (FeMAC)

S.k :

1. En Nordin Malek
Presiden GILKSB

2. En Muhammad Ali
Presiden FMSDC

COPY



**MEMORANDUM KEPADA KEMENTERIAN KEWANGAN
BAGI PERUNTUKKAN DANA TAMBAHAN KEMAHIRAN
PTPK BAGI TAHUN 2017 UNTUK RANCANGAN MALAYSIA
KE-11.**

KEPADA

YAB DATO'SRI MOHD NAJIB BIN TUN ABDUL RAZAK

Perdana Menteri Malaysia

merangkap Menteri Kewangan Malaysia

DARIPADA

- 1. PERSEKUTUAN PUSAT BERTAULIAH JPK MALAYSIA
(FeMAC)**
- 2. FEDERATION OF MALAYSIAN SKILLS DEVELOPMENT
CENTERS (FMSDC)**
- 3. GABUNGAN INSTITUT LATIHAN KEMAHIRAN SWASTA
BUMIPUTERA (GILKSB)**

TARIKH

23 Februari 2017

PERSEKUTUAN PUSAT BERTAULIAH JPK MALAYSIA (FeMAC)

(Federation of JPK Accredited Centers, Malaysia)

Unit 2-12, Tiara Mutiara, No. 139 Batu 6, Jalan Puchong, 58200 Kuala Lumpur.

Tel: +603-7772 6655 Fax: +603-7772 6655

Email: operation@femac.org.my Website: www.femac.org.my

1.0 PENGENALAN

- 1.1 Persekutuan Pusat Bertauliah JPK Malaysia atau FeMAC merupakan sebuah NGO yang ditubuhkan dibawah Registrar of Societies (ROS) pada 28hb Julai 2004. Pertubuhan yang mewakili Kolej/Pusat Latihan Kemahiran Swasta Malaysia kini mempunyai seramai 350 Pusat Bertauliah (PB) Swasta yang berdaftar sebagai ahli yang menjalankan pelbagai program SKM, DKM dan DLKM dalam 29 sektor utama Jabatan Pembangunan Kemahiran di bawah Kementerian Sumber Manusia. Pusat-pusat Bertauliah Swasta telah mewujudkan lebih kurang 20 ribu pekerja mahir dalam pelbagai bidang berkaitan setiap tahun melalui peruntukkan/dana daripada PTPK.
- 1.2 Federation of Malaysian Skills Development Centers (FMSDC) merupakan sebuah NGO yang telah ditubuhkan pada 1992 atas usaha sama antara pihak industri, kerajaan negeri/kerajaan persekutuan dan juga institusi akademik. Antara objektif dan matlamat penubuhan FMSDC adalah untuk melahirkan pekerja mahir dalam pembangunan teknologi terkini untuk lepasan SPM/Diploma/Ijazah seiring dengan permintaan dari industri.
Terdapat 13 Pusat Pembangunan Kemahiran Negeri (PPKN) yang bernaung di bawah FMSDC. Sehingga kini 520 syarikat MNC dan juga IKS menjadi ahli kepada FMSDC di seluruh negara. Sejak penubuhan FMSDC, seramai 550,745 pelatih berkemahiran tinggi telah berjaya dilatih dan diserap bekerja di industri.
- 1.3 Gabungan Institut Latihan Kemahiran Swasta merupakan konsortium pusat-pusat latihan kemahiran swasta bumiputera yang terpilih dimana telah berkerjasama sejak tahun 2008 melalui Skim Khas Bumiputera terutamanya dibawah Unit Perancang Ekonomi Jabatan Perdana Menteri.
- 1.4 RMKe-11 dalam meneruskan agenda menghasilkan modal insan berpengetahuan dan berkemahiran, memberi tumpuan memperkasakan TVET, telah memperuntukkan 1.55 billion kepada Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran (PTPK) bagi 5 tahun mulai tahun 2016 untuk program latihan kemahiran. Peruntukkan tersebut adalah:-
 - i. RM 1.0 Billion untuk 74,000 pelatih bagi Pinjaman Lepas Sekolah (SKM, DKM) melalui PTPK

- ii. RM 50 Juta untuk 2,100 pelatih bagi Program Meister Malaysia (MMP)
- iii. RM 250 Juta untuk 16,600 pelatih bagi program Future Worker @ WWTP/INSEPc
- iv. RM 250 Juta untuk 18,500 pelatih bagi program TVET untuk golongan B40

1.5 Dalam Bajet 2017, YAB Perdana Menteri telah mengumumkan peruntukan sebanyak RM360 juta untuk PTPK. Dari RM360 juta, RM200 juta untuk pinjaman lepasan sekolah manakala selebihnya untuk program kemahiran yang lain. (*sila rujuk lampiran*)

2.0 ISU

2.1 Pada ketika ini hanya RM 200 juta setahun diperuntukkan oleh PTPK bagi program Persijilan Kemahiran Malaysia bagi lepasan sekolah. Jumlah ini hanya mampu membiayai seramai 14,800 pelajar setahun. Peruntukan ini jika disalurkan kepada ahli, logiknya hanya dapat membiayai 42 pelajar bagi setiap Pusat Bertauliah Swasta, sedangkan permintaan bagi program latihan kemahiran di PB swasta amat tinggi.

2.2 Peningkatan permintaan mengikuti latihan kemahiran di PB swasta dilihat berpunca daripada berikut:-

- i. Kesedaran masyarakat yang semakin tinggi terhadap bidang TVET.
- ii. Kursus yang ditawarkan oleh PB swasta bersifat highly employable dan ada sebahagian kursus yang tidak ditawarkan oleh pusat latihan awam;
- iii. Persekitaran pekerjaan yang mempunyai trend pengambilan pekerja berkemahiran menyebabkan ramai pilih PB swasta
- iv. Isu-isu lain seperti pengurangan pembiayaan PTPTN membuatkan pelajar memilih program latihan kemahiran di PB swasta;

- 2.3 Peruntukkan yang terhad ini menyebabkan PB berdepan masalah peruntukkan kuota pelajar dan seterusnya menyekat peluang pelajar mengikuti program latihan TVET.
- 2.4 Selain itu, dengan situasi ekonomi semasa, terdapat banyak permintaan program latihan semula (*re-skilling*) yang melibatkan pekerja diberhentikan dan graduan menganggur. Dengan adanya latihan semula (*re-skilling*) dijangka akan meningkatkan lagi kemahiran individu sekaligus meningkatkan pendapatan isi rumah rakyat Malaysia.

3.0 SYOR DAN SARANAN

- 3.1 Berdasarkan faktor dan isu-isu di atas, bagi pihak ahli-ahli FeMAC, FMSDC & GILKSB, kami mencadangkan syor-syor berikut:-
- i. Jumlah peruntukkan PTPK ditingkatkan daripada RM200 juta setahun kepada RM400 juta setahun mulai tahun 2017 bagi program latihan kemahiran lepasan sekolah melalui skim pinjaman latihan kemahiran yang diurus oleh PTPK. Sehubungan dengan itu, pihak kerajaan akan mendapat semula peruntukkan tersebut melalui dana hasil kutipan balik pinjaman pelajar.
 - ii. Meningkatkan dana program TVET bagi golongan B40 daripada RM 40 Juta kepada RM 100 Juta setahun dimana peruntukkan ini membolehkan mereka meningkatkan lagi kemahiran mereka melalui up-skilling and re-skilling sekaligus dapat meningkatkan pendapatan mereka.
 - iii. Menyediakan dana pembangunan tenaga pengajar keperingkat lebih tinggi seperti Diploma Kemahiran Malaysia (DKM) dan Diploma Lanjutan Kemahiran Malaysia (DLKM) bagi melatih 5 ribu tenaga pengajar mahir dibawah FeMAC dengan peruntukkan sebanyak RM 100 juta bagi tempoh RMK-11.

- iv. Mewujudkan insentif-insentif galakan pelaksanaan Kerjasama Awam dan Swasta / *Public Private Partnership* (3P) dalam melaksanakan TVET terutama Persijilan Kemahiran Malaysia seperti kaedah *buying places* dan dana pembangunan kapasiti bagi PB Swasta.

4.0 IMPAK KEPADA PENAMBAHAN DANA

- 4.1 Mempercepatkan matlamat kerajaan mencapai 35% bilangan pekerja mahir menjelang 2020 yang hanya berbaki tiga (3) tahun.
- 4.2 Peruntukan tambahan yang dipohon boleh menyumbang kepada Keluaran Negara Kasar (GNI), seterusnya membantu menggerakkan ekonomi dan memastikan kesan limpahan berkesan kepada sector ekonomi lain seperti makanan, pengangkutan, hartanah, peruncitan dan lain-lain yang melibatkan jumlah pelajar terbabit.

5.0 RUMUSAN

- 5.1 Penambahan peruntukkan ini bukan sahaja untuk memberi peluang kepada peningkatan enrolmen pelatih kemahiran di PB swasta terutamanya ahli FeMAC, FMSDC dan GILKSB tetapi juga dapat merencanakan pertumbuhan Ekonomi Negara dengan menghasilkan kesan berganda yang besar.
- 5.2 Selain itu, bagi tempoh jangka masa panjang, matlamat meningkatkan pembangunan modal insan untuk Negara Maju yang digariskan dalam RMKe-11 akan tercapai dengan jayanya. Besarlah harapan kami agar pihak YB Dato' Sri mempertimbangkan memorandum ini sewajarnya.

Sekian, Terima Kasih.

IKHLAS, MAJU MEMBANGUN BERSAMA FeMAC

Yang Benar,



P.Sailanathan

Presiden

Persekutuan Pusat Bertauliah JPK Malaysia (FeMAC)

LAMPIRAN



**KERTAS CADANGAN UNTUK KEMENTERIAN
KEWANGAN MALAYSIA BAGI PERUNTUKKAN
DANA TAMBAHAN KEMAHIRAN PTPK BAGI
TAHUN 2017 BAGI RANCANGAN MALAYSIA
KE-11 (RMK-11)**


**DI SEDIAKAN OLEH :
PERSEKUTUAN PUSAT BERTAULIAH JPK MALAYSIA**



FEMAC

COPYRIGHT FeMAC

PETUNJUK PRESTASI UTAMA 2016



PRESTASI
PENGUNCIAN
DANA

Pendaftaran PL & Kelulusan Program

- Bilangan Penyedia Latihan Berdaftar
- PL Awam (ILJTM) : 20
- PL Awam (Kerajaan negeri) : 44
- PL Swasta : 461
- **JUMLAH : 525**
- Bilangan Program Yang Dibiayai
- PL Awam Tahap 4-5 : 25 program
- PL Swasta Tahap 1-4 : 446 program

Prestasi Bayaran Balik

- Tahun 2016 - Sasaran RM 45 Juta: Pencapaian RM 43 Juta (96%)
- Peminjam Membayar Balik : 131,409 berbanding 196,929 (61%)

Bil	Sumber Dana	Peruntukan Diterima (RM)	Kelulusan Pinjaman / Pembiayaan		% Guna
			Bilangan	Jumlah (RM)	
i	Program Pinjaman Latihan Kemahiran Berterusan	200,000,000	29,147	378,175,261.84	189
ii	Program Skim Pinjaman Pekerja	0	1,108	15,568,525.66	
iii.	Program Malaysian Miester Program (MIMP)	10,000,000	412	9,992,000	99
iv.	Program Pekerja dan Future Worker	50,000,000	2,361	42,088,110	84
v.	Program Skim Latihan Dual Nasional (SLDN)	40,000,000	7,763	45,472,500	113
	Geran latihan TVET Bagi Golongan B40	50,000,000	12,965	52,032,465	104
	JUMLAH	350,000,000	53,756	68,328,861	150

SUMBER : PTPK

PERMOHONAN KUOTA 2017

514

PL BERDAFTAR

270

PL MOHON KUOTA

- 242 - Sblm 8/12 & online
- 28 - Slps 8/12 & offline

76,724 pelatih

RM 1,108b Peruntukkan

244 PL TIDAK MEMOHON KUOTA

- ❑ PTPK telah membuat pemakluman kepada semua PL untuk membuat permohonan kuota 2017 bermula pada 16 November 2016 dan ditutup pada 8 Disember 2016
- ❑ Daripada jumlah keseluruhan PL yang berdaftar dengan PTPK adalah sebanyak 514 PLS, PL yang aktif 338
- ❑ Selepas permohonan ditutup PTPK telah menerima sebanyak 76,724 pelatih dengan peruntukan sebanyak RM1,018 billion yang melibatkan sebanyak 242 PL
- ❑ Walau bagaimanapun terdapat sebanyak hanya 28 PL tidak membuat permohonan kuota secara online melibatkan 5,137 pelatih dengan peruntukkan RM60.7 juta.

SKIM PINJAMAN LEPASAN SEKOLAH

- Pada tahun 2016, PTPK telah meluluskan pinjaman latihan kemahiran kepada 29,147 orang peminjam yang mengikuti latihan di PL yang berdaftar dengan PTPK. Jumlah amaun pinjaman yang diluluskan kepada peminjam adalah RM378.1 juta berbanding pada tahun 2015, PTPK telah meluluskan pinjaman kepada 30,649 orang peminjam dengan jumlah amaun pinjaman sebanyak RM421.3 juta.
- Darpada jumlah kelulusan tahun 2016, seramai 2,437 peminjam PTPK merupakan pelajar yang mengikuti latihan kemahiran di PLA dan 26,710 peminjam mengikuti latihan di PLS. Berbanding pada tahun 2015, PTPK telah meluluskan pinjaman kepada 2,646 peminjam PTPK merupakan pelajar yang mengikuti latihan kemahiran di PLA dan 28,003 peminjam mengikuti latihan di PLS
- Kelulusan pinjaman latihan kemahiran tahun 2016 melebihi kelulusan peruntukan tahun 2016 sebanyak RM 178 juta adalah ditampung melalui dana kutipan bayaran balik dan juga lebih peruntukan RMKe10 (Dana NKEA Education: EPP 5) Mainstreaming Skill Training-PEMANDU dan Dana Berterusan) sebelum ini

SKIM PINJAMAN PEKERJA

- Dana pinjaman latihan kemahiran PLK kepada golongan pekerja iaitu peningkatan kelayakan dan latihan adalah bagi menyediakan dana pinjaman kepada pekerja yang layak untuk mengikuti latihan kemahiran dibawah Persijilan Kemahiran Malaysia dan bukan Persijilan Kemahiran Malaysia
- Pada tahun 2016, PTPK tidak menerima peruntukan dibawah belanja pembangunan walaubagaimanapun terdapat lebih peruntukan di bawah RMKe10 2014 iaitu sebanyak RM165.5 juta untuk memberi kemudahan kepada golongan pekerja bagi tujuan peningkatan kelayakan dan latihan semula. Darpada jumlah ini PTPK telah meluluskan pinjaman latihan kemahiran dengan jumlah komitmen RM69.5 juta.
- Pada tahun 2016, PTPK telah meluluskan pinjaman latihan kemahiran kepada 1,108 orang peminjam yang mengikuti latihan di Penyedia Latihan (PL) yang berdaftar. Berbanding tahun 2015, PTPK telah meluluskan pinjaman latihan kemahiran kepada 1,114 orang peminjam di bawah Skim Pinjaman Pekerja

PROGRAM PEMBIAYAAN

- Pada tahun 2016, PTPK telah diberikan tugas baru bagi melaksanakan program pembiayaan. Berikut adalah proses kelulusan sehingga 31 Disember 2016
- I. PTPK telah meluluskan pembiayaan kepada 412 pelatih dengan peruntukkan sebanyak RM 9.9 juta bagi program Malaysian Meister Program (MMP)
- II. PTPK telah meluluskan pembiayaan kepada 2,361 pelatih dengan peruntukan sebanyak RM429 juta bagi Program Pekerja dan Future Worker
- III. PTPK telah meluluskan pembiayaan kepada 7,763 pelatih dengan peruntukan sebanyak RM45.4 juta bagi Program Skim Latihan Dual Nasional (SLDN)
- IV. PTPK telah meluluskan pembiayaan kepada 12,965 pelatih dengan peruntukan sebanyak RM52 juta bagi geran Latihan TVET bagi golongan B40.

SUMBER : PTPK

PERUNTUKAN DANA DI BAWAH RANCANGAN MALAYSIA KE-11 PERLAKSANAAN TAHUN 2017

PINJAMAN



PERUNTUKAN DANA PINJAMAN
LATIHAN BERTERUSAN
• RM200 JUTA



TAMBAHAN PERUNTUKAN DANA
PUSINGAN
• RM 80 JUTA



DANA SKIM PINJAMAN PEKERJA
• RM 148 JUTA

PEMBIAYAAN



GERAN TVET B40
• RM40 JUTA



SKIM LATIHAN DUAL NATIONAL (SLDN)
• RM 40 JUTA



PROGRAM PEKERJA DAN FUTURE WORKER
• RM 50 JUTA



MALAYSIA MEISTER PROGRAM (MMP)
RM10 JUTA WORKERS



PROGRAM BARU RM20 JUTA



PROGRAM KAPASITI & KAPABILITI
RM 10 JUTA-one off

- ❖ Peruntukkan dana pinjaman latihan berterusan RM 200 juta
- ❖ Geran TVET B40 RM40 juta
- ❖ Skim Latihan Dual Nasionla (SLDN) RM 40 juta
- ❖ Program Pekerja dan Future Worker RM50 juta
- ❖ Malaysian Meister Program (MMP) RM 10 juta
- ❖ Program baru RM 20 juta
- ❖ Program kapasiti & Kapabiliti RM 10 juta-one off

KUOTA PINJAMAN 2017

DANA
RM200j

Permohonan
Kuota


76,724 Pelatih
RM1,018b

Kelulusan
PLS
17,368 Pelatih
RM224.62j

Kelulusan
PLA
2,941 Pelatih
RM40j

Tambahan
RM80j

KEADAAN SEMASA UNTUK LEPASAN SEKOLAH DI MALAYSIA



TERIMA KASIH